

**Kenyataan Dasar**  
**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
**2/2020**

Tarikh: 31 Disember 2020

**Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau**

1. International Monetary Fund (IMF) telah menaikkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2020 dari -5.2% ke -4.4% dalam laporan *World Economic Outlook* yang dikeluarkan pada Oktober 2020. Semakan semula unjuran kenaikan ini menggambarkan bahawa prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku kedua tahun ini adalah lebih positif daripada yang dijangkakan, terutamanya di Republik Rakyat China dan negara-negara maju. Aktiviti di ekonomi-ekonomi ini telah beransur pulih dengan lebih cepat daripada jangkaan dengan pengurangan beberapa langkah kawalan COVID-19 sejak bulan Mei, dan telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan ekonomi yang memberangsangkan di suku ketiga. IMF juga telah menyatakan bahawa pemulihan ekonomi global kepada keadaan pra-pandemik adalah amat mencabar dan akan mengambil masa yang lama, mengambilkira keadaan tidak menentu termasuk kenaikan kes COVID-19 yang mendadak dalam beberapa negara yang masih mengancam kesihatan orang awam dan menjejaskan aktiviti seharian. Walaubagaimanapun berita mengenai penghasilan vaksin COVID-19 baru-baru ini adalah perkembangan yang memberangsangkan.
2. Pandemik ini telah mengakibatkan penurunan harga komoditi global secara meluas, terutamanya harga minyak. Sejak penurunan harga minyak yang mendadak pada bulan April 2020, harga minyak telah beransur pulih, didorong oleh pengurangan pengeluaran minyak oleh negara-negara anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC di samping pengurangan langkah-langkah kawalan COVID-19 dalam bulan-bulan yang seterusnya. Walaubagaimanapun, faktor-faktor seperti ketidakpastian mengenai

pematuhan terhadap pengurangan pengeluaran minyak, tahap inventori minyak global yang tinggi, kedayatahan permintaan minyak yang masih diragui dan kemunculan gelombang baru COVID-19 di beberapa buah negara akan mempengaruhi harga minyak di masa hadapan. Oleh itu, harga minyak dijangka tidak akan kembali ke paras harga sebelum krisis dalam masa yang terdekat. Harga gas asli juga telah mengalami penurunan yang besar akibat kekurangan permintaan yang disebabkan oleh langkah-langkah kawalan COVID-19. Oleh itu, harga gas asli juga dijangka akan kekal rendah dalam masa yang terdekat.

3. Untuk menangani impak negatif wabak COVID-19, beberapa bank-bank pusat telah dan masih melaksanakan langkah-langkah rangsangan ekonomi sejak pandemik ini bermula, pada skala yang belum pernah dilihat sebelum ini. Federal Reserve baru-baru ini mengumumkan peralihan rangkakerja dasar monetari ke arah *Flexible Average Inflation Targeting* (FAIT) di Amerika Syarikat, di mana mereka dijangka tidak akan menaikkan kadar faedah selagi kadar inflasi mencapai sasaran 2% secara purata. Ini menandakan bahawa kadar faedah akan kekal rendah sekurang-kurangnya hingga tahun 2023. Bank pusat tersebut juga telah menyatakan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat mungkin akan terus memerlukan sokongan dasar fiskal. Dengan pemulihan global yang masih lemah dan impak negatif yang berpanjangan akibat COVID-19, dasar monetari dijangka akan kekal akomodatif pada tahun-tahun yang akan datang.

### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

4. Pada pertengahan tahun 2020, ekonomi domestik telah meningkat sebanyak 2.6% tahun-ke-tahun pada harga tetap, berbanding 3.9% pada keseluruhan tahun 2019. Sektor Minyak dan Gas telah menurun sebanyak 2.6% tahun-ke-tahun, dengan penurunan dalam Perlombongan Minyak dan Gas, dan Pembuatan LNG masing-masing 1.9% dan 4.9% tahun-ke-tahun. Pada masa yang sama, Sektor Bukan

Minyak dan Gas telah meningkat 9.5% tahun-ke-tahun didorong oleh kenaikan aktiviti hiliran minyak dan gas sebanyak 594.7% dengan pengeluaran baru, sementara aktiviti bukan minyak dan gas yang lain telah menurun sebanyak 2.8% tahun-ke-tahun. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kelemahan dalam sektor perkhidmatan, akibat penularan wabak COVID-19 dan juga pelaksanaan langkah-langkah pencegahan virus tersebut di seluruh negara. Penurunan paling mendadak dalam jangka masa tersebut adalah dalam subsektor-subsektor Pengangkutan Udara (-60.2%), Pengangkutan Darat (-21.6%) dan Hotel (-21.5%). Dengan pelonggaran langkah-langkah pembendungan COVID-19 secara berperingkat, beberapa sektor ekonomi dijangka akan dapat pulih secara beransur-ansur kepada keadaan normal yang baru, manakala beberapa sektor yang lain akan mengambil masa yang lebih panjang. Prestasi ekonomi domestik pada jangka masa terdekat adalah bergantung kepada perkembangan sektor minyak dan gas serta pemulihan ekonomi.

5. Purata Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh Januari hingga September tahun 2020 telah meningkat sebanyak 1.9% tahun-ke-tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan indeks Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan; diikuti oleh peningkatan harga Pengangkutan Penumpang melalui Udara, Tekstil Isi Rumah, serta Air Mineral dan Minuman Ringan. Tren peningkatan harga bagi beberapa barangan dalam IHP dijangka akan berterusan pada masa terdekat. Walaubagaimanapun, risiko kenaikan harga domestik masih terkawal dengan jangkaan kadar inflasi global yang lebih lemah daripada jangkaan sebelumnya. Selain itu, Monetary Authority of Singapore telah memutuskan untuk tidak mengubah dasar moneterinya pada bulan Oktober 2020. Dengan persamaan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura, impak pertukaran mata wang ke atas kadar inflasi di negara ini adalah dijangka *neutral*. Impak COVID-19 dijangka akan terus memberikan tekanan penurunan terhadap indeks harga Restoran dan Hotel serta Rekreasi dan Kebudayaan.

6. Walaupun inflasi untuk beberapa bulan telah melebihi 2% secara konsisten, ramalan inflasi AMBD bagi tahun 2020 kekal di dalam lingkungan 1% hingga 2% dengan jangkaan inflasi akan sedikit menurun pada penghujung tahun 2020. Memandangkan tekanan harga yang lemah dijangka akan berterusan sehingga tahun 2021, ramalan inflasi dalam negara bagi tahun depan adalah dalam lingkungan 0% hingga 1%. Inflasi global mungkin akan meningkat pada tahun 2021 disebabkan oleh pemulihan aktiviti perekonomian. Akan tetapi kenaikan inflasi tersebut dijangka tidak signifikan kerana tahap permintaan global secara keseluruhannya adalah masih lemah. Walaubagaimanapun, ramalan inflasi adalah tertakluk kepada keadaan penularan wabak COVID-19 serta kesannya terhadap inflasi global dan domestik.

### **Perkembangan Sektor Kewangan dan Regulatori Negara Brunei Darussalam**

7. Pada suku ketiga 2020, tahap risiko secara keseluruhan bagi sektor perbankan adalah lebih rendah berbanding Suku Kedua 2020 menurut analisis *macro-prudential* AMBD, disebabkan penurunan risiko kredit bagi sektor korporat. Bagi tempoh yang sama, risiko terhadap kecairan perbankan dan pembiayaan, dan risiko kecukupan modal kekal di tahap rendah. Manakala risiko terhadap keuntungan bank, dan *offshore placements and investments* berada di tahap sederhana rendah.
8. Nilai aset sektor kewangan mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak BND21.8 bilion pada suku ketiga 2020, di mana sebanyak BND12.5 bilion merupakan aset sektor kewangan Islam. Sektor perbankan merangkumi 82.3% daripada keseluruhan sektor kewangan. Jumlah aset perbankan telah meningkat pada kadar 6.3% tahun-ke-tahun dan jumlah deposit meningkat 2.5% tahun-ke-tahun kepada BND14.5 bilion. Jumlah pinjaman/pembiayaan telah menurun 0.2% kepada BND5.83 bilion.

9. Dalam tempoh yang sama, tahap modal sektor perbankan kekal tinggi dengan Nisbah Kecukupan Modal sebanyak 21.1% dan mempunyai kecairan yang tinggi dengan nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan sebanyak 49.8%. Kualiti aset telah bertambah baik dengan penurunan nisbah pinjaman/pembiayaan tertunggak kepada 2.4%. Sektor ini mengalami penurunan keuntungan pada kadar 4.8% tahun-ke-tahun yang disebabkan oleh penurunan faedah keuntungan daripada *placements* dengan bank dan institusi kewangan di luar negara sebanyak 44.8%, manakala secara keseluruhan jumlah Pulangan Aset dan Pulangan Ekuiti masing-masing mencatatkan 1.7% dan 11.4%.
10. Bagi meningkatkan ketelusan kadar pembiayaan/pinjaman runcit di negara ini, AMBD buat kali pertamanya telah menerbitkan kadar-kadar pembiayaan/pinjaman yang ditawarkan oleh industri perbankan bagi setiap suku tahunan di laman sesawang AMBD. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa pelanggan dalam membuat keputusan perbandingan terhadap kadar-kadar pembiayaan/pinjaman, dan pada masa yang sama, menggalakkan persaingan yang sihat di dalam industri perbankan.
11. Dalam meningkatkan usaha penyeliaan sektor kewangan, AMBD telah mengeluarkan rangkakerja *Domestic Systemically Important Bank* (D-SIB) untuk mengenalpasti bank-bank yang dianggap sebagai D-SIB di negara ini. Langkah ini akan memperkukuhkan lagi kedayatahan sektor perbankan dan kestabilan kewangan secara menyeluruh.
12. AMBD telah menghasilkan rangkakerja modal dan kemampubayaran (*solvency*) berdasarkan risiko bagi sektor insurans dan takaful. Ini termasuk keperluan untuk memperuntukkan aset dan liabiliti insurans/takaful dengan sewajarnya. Dana-dana ini harus diasingkan, dan dikenakan kawalan yang berkesan dengan dasar dan prosedur yang telah ditetapkan bagi penyelenggaraan dana-dana tersebut. Bagi memastikan kelancaran rangkakerja baru ini, ujian peralihan telah dilaksanakan sejak bulan September 2020 sebelum pelaksanaan sepenuhnya.

13. Dengan sekatan perjalanan yang dikenakan untuk mengawal penularan wabak COVID-19, sektor perniagaan pertukaran wang masih teruk terjejas di mana nilai belian dan jualan matawang asing telah menurun masing-masing sebanyak 82% dan 95% tahun-ke-tahun bagi suku ketiga 2020. Di samping pengenalan langkah sementara pada April 2020 yang membolehkan pemegang lesen membuat pembayaran yuran pembaharuan lesen tahunan secara dua fasa, AMBD juga mengeluarkan Notis *Temporary Regulatory Relief Measure for Money-Changing Business* pada 15 Oktober 2020. Di bawah notis ini, bantuan pengurangan pembayaran lesen tahunan bagi satu kali (*one-time*) sebanyak 80% diberikan kepada pemegang lesen yang sedia ada bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.
14. Sebagai sebahagian daripada usaha ke arah penubuhan Bursa Saham di Negara Brunei Darussalam, AMBD telah mengeluarkan *Exposure Draft Listing Rules* kepada industri pada hujung bulan September 2020. Tujuan *Exposure Draft* tersebut adalah bagi mendapatkan maklumbalas dan pandangan daripada pihak yang berkepentingan terhadap *Listing Rules* serta rangkakerja yang berkaitan, dalam tempoh dua bulan mulai bulan Oktober 2020 sehingga November 2020.
15. AMBD telah melaksanakan konsultasi Notis *Requirement for Payment System* untuk mendapatkan maklumbalas terhadap isi kandungan notis tersebut daripada pihak-pihak yang berkepentingan seperti pembekal-pembekal perkhidmatan pembayaran (PSPs), bank-bank, peserta-peserta *FinTech Regulatory Sandbox* dan syarikat-syarikat telekomunikasi (*Telcos*). Ini adalah untuk memastikan Notis tersebut merangkumi rangkakerja regulatori dan penyeliaan yang sejajar dengan amalan dan piawaian antarabangsa, sebelum berkuatkuasa pada penghujung tahun 2020.

16. Langkah-langkah interim yang diperkenalkan oleh AMBD dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) pada Mac 2020 untuk pengecualian yuran dan caj pemindahan wang antara bank-bank domestik secara atas talian telah meningkatkan penggunaan sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) melebihi 90% tahun-ke-tahun bagi tempoh April hingga September 2020, terutamanya pemindahan dana antara pelanggan-pelanggan bank. Sistem *Automated Clearing House (ACH) Direct Credit* juga turut mencatatkan peningkatan jumlah transaksi sebanyak 59.9% tahun-ke-tahun pada tempoh yang sama. AMBD dan BAB telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengecualian yuran dan caj pemindahan dana selama enam bulan mulai dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Mac 2021.

### **Perkembangan Masa Depan**

17. AMBD memantau perkembangan wabak COVID-19 dan impaknya terhadap sektor kewangan secara berterusan. Sejak pengenalan langkah-langkah interim pada bulan Mac 2020, industri perbankan masih aktif dalam memberikan bantuan kepada perniagaan dan individu yang terkesan untuk meringankan beban kewangan. Memandangkan impak COVID-19 masih berterusan dengan perkembangan yang tidak menentu, bank-bank adalah digalakkan untuk terus memberikan bantuan kepada para pelanggan yang masih memerlukan.
18. Di samping usaha mempertingkatkan dan menyelaraskan rangkakerja peraturan regulatori bagi sektor kewangan yang berpandukan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik, AMBD telah memperluaskan lagi *macro-prudential surveillance toolkit* untuk mengurangkan risiko sistemik sektor kewangan di negara ini. Antaralainnya, AMBD sedang membuat analisis kesalinghubungan sistem kewangan bagi mengkaji hubungkait dan risiko-risiko yang dihadapi di antara pelbagai sektor kewangan serta menghasilkan

Indeks Kestabilan Kewangan bagi menilai kestabilan dan kekukuhan sistem kewangan secara keseluruhan.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)

International Monetary Fund (IMF)